

NAMA: _____

TING: _____

ULANG KAJI 1: BAB 1 TING 5

- 1 Antara yang berikut, pilih pernyataan yang **tepat** menggambarkan barang awam yang disediakan oleh kerajaan.
A Alip membeli sebuah motosikal berharga RM 9500
B Puan Siti Noor menggunakan air mineral yang bersih untuk memasak gulai ikan
C Ikhwan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh kerana dijangkiti virus Covid-19
D Tandas di Pusat Red Gym hanya disediakan untuk ahli yang membayar yuran keahlian
- 2 Apakah faedah sosial jika kerajaan membina Pusat Zon Perdagangan Bebas di Padang Besar?
A Peningkatan pendapatan kerajaan negeri
B Peluang pekerjaan yang tinggi
C Kos pengangkutan yang murah
D Kadar pengangguran meningkat
- 3 Mengapakah pihak kerajaan menyediakan kemudahan asas di desa?
A Meningkatkan taraf hidup
B Meningkatkan kadar upah
C Memaksimumkan tenaga buruh
D Meningkatkan peluang pekerjaan
- 4 Pernyataan manakah menerangkan maksud Indeks Harga Pengguna (IHP)?
A Mengukur taraf hidup dan pendapatan per kapita
B Mengukur perubahan harga dengan perubahan kuantiti diminta
C Menunjukkan pendapatan benar yang diterima oleh seseorang individu
D Mengukur harga purata barang dan perkhidmatan digunakan oleh isi rumah
- 5 Maklumat yang berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia.

Tahun	Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (RM juta)
2015	1 063 355
2016	1 108 227

(Sumber: Diubah suai daripada Laporan Ekonomi 2017/2018)

Apakah objektif makroekonomi tersebut?

- A Kestabilan harga
- B Guna tenaga penuh
- C Pertumbuhan ekonomi
- D Kestabilan imbalan pembayaran

- 6 Manakah yang menyebabkan inflasi tolakan kos?
- A Pertambahan kos bahan api
 - B Pengembangan kredit bank perdagangan
 - C Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
 - D Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan
- 7 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
 - B Pekerja yang meletakkan jawatan untuk mengharap pekerjaan lain
 - C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
 - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- 8 Apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 1.2% kepada 2.0%?
- I Peluang pekerjaan menurun
 - II Kuasa beli masyarakat meningkat
 - III Pendapatan benar masyarakat menurun
 - IV Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Antara yang berikut, yang manakah hasil bukan cukai?
- I Tarif
 - II Duti setem
 - III Royalti petroleum
 - IV Bayaran denda dan penalti
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 10 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang perbelanjaan mengurus?
- I Puan Rokiah menerima pencen setiap bulan sebanyak RM750
 - II Kerajaan menyediakan tempat perdagangan di Pelabuhan Klang
 - III Kementerian Pendidikan Malaysia membina sekolah kebangsaan di Sepang
 - IV Encik Kamal yang bekerja di Jabatan Perkhidmatan Awam menerima gaji pada setiap bulan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV